

# BAB 5

## LAPORAN PENGURUSAN DAN PENCAPAIAN

### Pengenalan

Untuk mengetahui peringkat kecekapan dan keberkesanan sesuatu pengurusan projek penilaian perlu dilakukan dengan melihatnya dari pelbagai perspektif. Antara perspektif yang perlu diberi perhatian ialah maklum balas daripada orang ramai terhadap keseluruhan pengurusan penganjuran hingga ke peringkat pengurusan malam anugerah dan laporan dari setiap pengerusi jawatankuasa kerja. Menurut *Blundel dan Ippolito (2008: 43)*:

*“Feedback comprises the messages that organizations, or individuals working in organizations, receive from stakeholders in response to their own messages and activities”.*

Suatu sistem pengurusan yang baik ialah apabila ada usaha berterusan untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan sistem dan proses pengurusan itu. Di UniMAP, amalan ini kerap dilakukan dengan Ketua Eksekutifnya sendiri mempengerusikan setiap mesyuarat untuk mendapatkan maklum balas tersebut. Melalui proses ini, beliau percaya prestasi pengurusan boleh dipertingkatkan secara berterusan dan setiap ahli jawatankuasa yang terlibat boleh mempelajari kekuatan

dan kekurangan prestasi masing-masing di samping mencari kaedah memperbaikinya untuk pelaksanaan projek yang berkaitan di masa akan datang. Disebabkan usaha penilaian prestasi ini kerap dilakukan, setiap ahli UniMAP yang akan melaksanakan sesuatu projek selalunya telah memahami bagaimana melaksanakan kerja masing-masing tanpa memerlukan banyak bimbingan dan tunjuk ajar.

Bab ini menjelaskan bagaimana sistem dan proses pengurusan maklum balas dilakukan dan bagaimana prestasi FFVPM7 dinilai. Akhirnya, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Festival perlu menyediakan laporan eksekutif untuk dibentangkan dalam mesyuarat.

## **KAEDAH PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI PROJEK**

Sebelum sesuatu projek bermula, setiap ahli jawatankuasa dimaklumkan bahawa mereka perlu membuat laporan prestasi hasil kerja jawatankuasa masing-masing. Dengan memberikan ingatan pada peringkat awal lagi, pengerusi bagi setiap jawatankuasa kecil telah mengumpul maklumat maklum balas dan mengenal pasti hasil pemerhatian yang sesuai untuk diberi fokus dalam laporan prestasi jawatankuasa masing-masing. Antara aspek yang diberi perhatian ialah prestasi ahli jawatankuasa, prestasi kaedah yang digunakan, masalah-masalah yang dihadapi, kekuatan dan kelemahan dan kesan atau implikasi kerja terhadap prestasi projek keseluruhan.

Hasil laporan dari setiap jawatankuasa yang dibuat secara bertulis, diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras sebagai input kepada laporan eksekutif untuk dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Tertinggi.